

## **KESEDARAN MUZIUM BARU DI MALAYSIA**

### **AWARENESS OF NEW MUSEUMS IN MALAYSIA**

**Ahmad Farid Abd Jalal**  
**Abdullah Yusuf**  
**Ahmad Faisal Abd Hamid**  
**Rahimin Affandi Abd Rahim**  
Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam,  
Akademi Pengajian Islam  
Universiti Malaya

**Email:** farid.muziumpahang@gmail.com

#### **Abstrak**

Kajian ini menganalisis pengaruh konsep muzium baru di Malaysia. Ia timbul selepas merdeka yang dapat dianggap sebagai respon terhadap kelemahan penubuhan dan falsafah muzium kolonial yang diperkenalkan oleh British. Metodologi kajian ini menggunakan pendekatan analisis sejarah terhadap bahan yang dihasilkan oleh sarjana kolonial di Tanah Melayu dan ini turut divariasikan dengan merujuk kepada realiti perkembangan muzium di Malaysia. Kajian ini mendapati terdapat perkembangan positif dalam sistem permuziuman di Malaysia yang terdiri daripada pemakaian kaedah tafsiran artifak sejarah yang lebih kritikal dan usaha menjadikan muzium sebagai alat pendidikan sejarah yang lebih holistik.

**Kata Kunci:** Muzium Baru, Analisis Sejarah, Muzium Malaysia, Kolonial, Pendidikan

#### **Abstract**

This article will analyses the impact of new musuem in Malaysia. Such concept occur in post independent Malaysia as a response to the fault of past colonial british's musuem. This work will utilized the historical method on the primary work done by the colonial scholar in Malaya. It also will utilize a contemporary works on the musuem in Malaysia. The work find that several positive development had happen in the Malaysian musuem, which

included the critical analysis of the past museum artifacts as well as the use of museum to facilitate the historical subject in Malaysia education system.

**Keywords:** New Museum, History Analysis, Malaysia Museum, Colonial, Education

## 1.0 Pengenalan

Konsep ilmu dalam bidang sains sosial, termasuk sejarah permuziuman adalah dinamik sifatnya. Ia sentiasa direview dengan pelbagai teori dan pendekatan ilmiah yang menyebabkan proses rekonstruksi teori lama giat dilakukan. Sifat dinamisme ini semakin jelas apabila kesilapan teori ilmu kolonial silam telah mula didedahkan oleh sarjana moden (Mohd Hazim Shah Abdul Murad, 2005) Jadi, berasaskan latar belakang ini, kajian ini akan melihat konsep new Muzium yang berkembang di peringkat antarabangsa dan pengaruhnya dalam permuziuman di Malaysia.

Muzium diakui sebagai institusi terpenting yang memainkan peranan mengumpul, menjaga, merawat serta mempamerkan warisan ketara (*tangible*) dan tak ketara (*intangible*) sejarah sesuatu bangsa. Ia sangat berguna untuk tujuan mengilmu dan mendidik anggota masyarakat tentang peri pentingnya warisan sejarah sesuatu bangsa. Atas dasar itu, badan dan persatuan muzium sedunia telah menjadikan agenda pembangunan dan pendidikan masyarakat sebagai matlamat terpenting (Ab Samad Kechot, 2012). Kewujudan muzium merupakan salah satu usaha ke arah mengekalkan khazanah warisan sejarah dan budaya bangsa kita. Koleksi-koleksi yang bernilai ini merupakan bukti sesuatu peristiwa atau sejarah lampau yang telah berlaku di negara kita. Muzium memainkan peranan yang sangat penting sebagai pusat rujukan dan penyelidikan. Pelbagai kajian dan penulisan didokumentasikan bagi tujuan menyebarkan ilmu pengetahuan kepada masyarakat agar mengenali dan mengetahui jati diri bangsa.

Institusi muzium pertama kali di perkenalkan oleh British di Tanah Melayu. Institusi permuziuman di Malaysia bermula dengan penubuhan Muzium Perak di Taiping pada tahun

1883. Idea penubuhannya dicetuskan oleh Residen British Perak ketika itu iaitu Sir Hugh Low yang mengarahkan Leonard Wray Junior (Peacock, B. A. V., 1955), seorang Pegawai Penguatkuasa dalam Organisasi Pentadbiran Taman Bukit Larut untuk mengumpulkan segala bahan berkaitan sejarah, sosio-ekonomi, etnologi, geologi, botani dan zoologi. Pada tahun 1888, Muzium Sarawak ditubuhkan di Kuching oleh Raja Sarawak kedua, Sir Charles Brooke. Kemudian, pada tahun 1907, Muzium Selangor pula ditubuhkan. Bagaimanapun, bangunannya hampir musnah akibat terkena ledakan bom yang digugurkan oleh kapal terbang B29 tentera Bersekutu pada 10 Mac 1945 iaitu di akhir Perang Dunia Kedua. Selepas negara mencapai kemerdekaan, Muzium Negara dibina di atas tapak yang sama dan dirasmikan penubuhannya pada 31 Ogos 1963.

Budaya Muzium ini berasal daripada masyarakat Eropah pada abad ke-18 dan 19 Masihi yang menganut dan mengamalkan falsafah *renaissance*. Falsafah ini secara dasarnya berupa sifat ingin mempelajari ilmu dan benda baru daripada dunia luar, yang telah mendorong pelbagai ekspedisi penjelajahan ke benua-benua lain di seluruh dunia. Ia juga usaha mengumpul dan mengklasifikasi benda baru mengikut pengkhususan bidang seperti etnografi, botani, zoologi dan mineral untuk tujuan kajian dan penyelidikan. Di Britain sendiri telah lahir beberapa orang tokoh falsafah sains terkemuka, antaranya Charles Darwin dan Alfred Russel Wallace. Masyarakat British begitu mendalami kajian dan penemuan spesimen ras baru, selaras dengan teori evolusi yang dikemukakan oleh Darwin. Seterusnya, falsafah utilitarian yang mengambil manfaat daripada dapatan spesimen yang ditemui (Bronwen Douglas, 2008).

Tempoh masa era ini dikenali sebagai zaman pengumpulan segala bentuk data tentang masyarakat tanah jajahan yang menjadi bahan asas untuk muzium etnografi dan alam semula jadi (*Natural World*) di barat. Pada mulanya, segala usaha pengumpulan artifak ini dilakukan oleh golongan bangsawan. Bagi mengangkat taraf sosial dan prestij mereka, koleksi artifak yang ganjil dan berunsurkan sains ini dipertontonkan kepada orang ramai. Segala koleksi

mereka disimpan dan dipamerkan dalam ruangan khusus yang dikenali sebagai '*cabinet of curiosities*'. Ia bagi memperlihatkan pengalaman mereka bertemu, berinteraksi dan membangunkan masyarakat primitif yang dijajah, selain sebagai satu lambang status sosial yang tinggi di kalangan golongan atasan British.

Apabila pemilik asal koleksi ini meninggal dunia, ia kemudiannya diserahkan kepada muzium bagi menjamin proses penjagaannya. Satu contoh utama dapat dilihat pada kes Sir Hans Sloane (1660 - 1753), seorang doktor, ahli naturalis dan pengumpul yang telah menyumbangkan lebih 71,000 objek artifak yang dikumpulkan sepanjang hayatnya kepada King George II. Segala hasil koleksi artifak dalam pelbagai bentuk ini seperti buku, manuskrip, spesimen alam semula jadi selain objek antikuiti seperti syiling, pingat, cetakan dan lukisan serta bahan spesimen etnografi menjadi asas kepada penubuhan British Museum yang dibuka kepada awam pada tanggal 15 Januari 1759 ( Paulette Dellios, 1999). Di Tanah Melayu, para pentadbir dan juga sarjana kolonial British telah menyambung idea dan usaha dalam gagasan mewujudkan muzium milik British di Tanah Melayu. Usaha-usaha ini adalah kesinambungan dari tradisi falsafah di Great Britain yang gemar mengumpul, mengklasifikasi dan mempamerkan segala hasil koleksi yang diperolehi. Sebagai contoh, Winstedt dan Skeat merupakan dua orang tokoh sarjana-pentadbir British yang telah berusaha mengumpul data tentang masyarakat Melayu. Koleksi kajian mereka telah dipamerkan di British Museum dan selain itu, koleksi bahan kajian kedua-dua tokoh ini telah menjadi tesis kedoktoran di University of London.

## **2.0 Matlamat Muzium Kolonial Di Tanah Melayu**

Matlamat muzium kolonial di Tanah Melayu ialah enjadi wadah dan instrumen propaganda dalam agenda kolonialisme British. Semua koleksi bahan, artifak dan spesimen daripada koloni bermanfaat kepada pihak British di London dan di Tanah Melayu. Hal ini bersandarkan kepada beberapa sebab, iaitu sebagai alat untuk memahami sifat masyarakat koloni dalam menyediakan

dasar yang difikirkan sesuai bagi memastikan British dapat bertahan lama di koloni. Sebagai contoh, sejarah mencatatkan Muzium Perak ditubuhkan selepas peristiwa pembunuhan J.W.W. Birch di Pasir Salak. Pihak British menyedari kepentingan untuk mempelajari adat resam, cara hidup dan tradisi masyarakat Melayu demi mengelakkan peristiwa berdarah serupa dari berulang. Oleh itu, proses mempelajari dan memungut bahan tentang masyarakat Melayu berjalan seiring dengan penubuhan Muzium Perak. Hasil kajian etnografi orang Melayu ditempatkan dalam muzium terbabit untuk dijadikan panduan oleh para pentadbir British selepas J.W.W. Birch.

Seterusnya, British memperlihatkan peranan besar mereka dalam membangunkan Tanah Melayu kepada masyarakat luar. Pentadbir British dalam persidangan tanah jajahan yang diadakan di London, sering menyebut kejayaan mereka membangunkan koloni melalui pelbagai infrastruktur fizikal (seperti bandar, sistem jaringan jalan raya, kereta api). Antara bentuk infrastruktur fizikal terpenting yang dijadikan piawaian kejayaan mereka adalah penubuhan muzium koloni (Maxwell, W.E, 1983).

Faktor lain ialah terdapat kajian dan paparan tentang sumber asli koloni yang berpotensi melahirkan pulangan ekonomi yang baik (Indra Sengupta and Daud Ali, 2011). Kurator *British Museum* akan menyediakan ruangan dan senarai khusus tentang kajian dan spesimen geologi, botani, mineralogi dan zoologi koloni (Durrans, B, 1988). Sebagai contoh, tanaman getah secara besar-besaran merupakan hasil daripada pendekatan ini sehingga menjadi antara sumber ekonomi utama British di Tanah Melayu. Situasi yang sama turut dilaporkan berlaku di Sarawak apabila wakil Raja Brooke dikatakan telah mengetengahkan maklumat dan fakta botani dan mineral Borneo ke England demi untuk menarik minat para pelabur di England untuk melabur dalam menjana ekonomi di Borneo (Paulette Dellios, 1999).

Muzium merupakan satu entiti kebudayaan Eropah yang diterapkan di Tanah Melayu oleh pihak pentadbir dan sarjana kolonial yang sememangnya sarat dengan agenda kolonialisme.

Pihak British menjadikan masyarakat tanah jajahan sebagai bahan untuk dipamerkan dalam ruangan muzium. Masyarakat Melayu telah menjadi sebahagian dari bahan pameran (*imagined society*) yang digambarkan mengikut acuan dan kehendak pihak British. Ia dilaksanakan selaras dengan falsafah barat *evolutionism and diffusionism* yang dibawa oleh Charles Darwin ketika itu ( Hirschman, 1987). Hal ini bermakna, bagi sesetengah sarjana moden, proses British ini boleh disimpulkan sebagai satu proses yang dinamakan *othering*; menilai orang lain serta mewujudkan nisbah binari antara kita dengan mereka ( David Spurr, 1993). Asas yang diperkenalkan oleh pihak British ini terus kekal hingga ke hari ini, dan terbukti dengan wujudnya elemen *Islamophobia* (menggambarkan Islam sebagai agama yang menakutkan) di Eropah.

Pihak British menjadikan masyarakat tanah jajahan sebagai bahan untuk dipamerkan dalam ruangan muzium. Edward Said (1983) menegaskan bahawa apa-apa yang dipersembahkan dalam bidang permuziuman tidak boleh diterima secara kosong semata-mata. Menurut pandangannya lagi, ia dibuat daripada sudut perspektif mereka yang berat sebelah dan *bias* tanpa mengambil kira pandangan masyarakat tanah jajahan. Ia menjadi bahan untuk perniagaan atau alat untuk merendahkan masyarakat peribumi.

### **3.0 Kesedaran Muzium Baru Di Malaysia : Analisis Kritikal.**

Selepas Malaysia mengecapi kemerdekaan, pengaruh muzium British masih terus kekal bertapak di Malaysia. Elemen ini terjadi dan tidak dapat dielakkan disebabkan faktor bahawa muzium Malaysia sememangnya mewarisi falsafah muzium yang dipelopori oleh pihak British. Sistem kerajaan Malaysia pasca merdeka telah menerima pakai beberapa formula British yang kekal dipraktikkan di Malaysia dan secara tidak langsung menjadi identiti negara bangsa Malaysia.

Hal ini bertepatan teori sarjana yang menyatakan bahawa pihak British bertanggungjawab menentukan epistemologi, dasar dan asas pemerintahan negara Malaysia

yang kesemuanya diteruskan mengikut kerangka dan acuan British (Shamsul Amri Baharuddin, 1983). Hal ini boleh dilihat melalui institusi pendidikan tinggi seperti kewujudan Universiti Malaya, sistem demokrasi berparlimen mengikut kerangka *Westminster*, dasar banci penduduk, sistem pemetaan dan juga institusi permuziuman. Namun begitu, paradigma muzium negara Malaysia telah berubah, apabila muzium dijadikan sebagai alat untuk pembangunan bangsa (*nation building*). Sejak Muzium Negara ditubuhkan pada tahun 1963, proses pembentukan *nation building* telah disemarakkan. Antaranya ia menekankan elemen perpaduan kaum dan prinsip ketuanan Melayu. Hal ini terbukti apabila paparan galeri sejarah Malaysia disesuaikan dengan sukatan buku teks subjek sejarah Malaysia yang diajar dalam sistem pendidikan Malaysia ( Abu Talib Ahmad, 2015).

Sebagai sebuah negara yang baru merdeka, Malaysia tidak terlepas dari menghadapi pelbagai halangan dan rintangan negara dunia ketiga yang membabitkan isu kemiskinan, pengangguran, perbezaan etnik, masalah kelemahan pendidikan dan pelbagai lagi. Sebagai salah satu langkah untuk mengatasi permasalahan ini, usaha *nation building* berasaskan perpaduan perlu dilaksanakan. Semua ahli masyarakat majmuk yang berbeza etnik, kaum dan bangsa perlu dipupuk untuk berpegang teguh dengan jati diri dan sifat kebersamaan sebagai sebuah bangsa Malaysia yang merdeka. Nisbah perpaduan ini perlu ditonjolkan melalui mekanisme pendidikan, media massa dan terpenting sekali melalui institusi permuziuman ( Moira G. Simpson, 2007). Di Muzium Negara yang baru ditubuhkan, paparan sejarah kebersamaan kesemua etnik berbeza di Malaysia menghadapi cabaran penjajahan British telah dilakukan. Kesemua etnik yang berbeza merasa persamaan mengalami penderitaan semasa di bawah pemerintahan pihak kolonial British dan tentera Jepun. Dengan itu, muzium mampu menjadi alat penyatuan semua etnik yang berbeza untuk sama-sama berbangga menjadi rakyat Malaysia.

Konsep *New Museum* ini adalah usaha mengkritik konsep muzium klasik yang dikatakan lebih tertumpu kepada usaha-usaha di muzium - seperti proses mengumpul, merawat, menjaga dan memindahkan kepada galeri untuk dipamerkan. Ia langsung tidak mengambil kira aspek memahami keperluan masyarakat dalam erti kata sebenar. Para pendukung konsep *new museum* ini menekankan bahawa muzium perlu bersifat terbuka dengan masyarakat - sama ada terlibat dalam proses mendidik atau menerima pakai maklum balas atau kritikan daripada masyarakat.

Memang terdapat perbezaan yang jelas antara konsep new museum dengan konsep muzium klasik. Hal ini boleh dilihat daripada paparan di bawah.

<b>KONSEP MUZIUM BARU (KMB)</b>	<b>KONSEP MUZIUM KLASIK</b>
<b>Peranan Dan Hubungan Muzium Dengan Masyarakat</b>	
<p>Bagi KMB, selain berfungsi sebagai tempat menyimpan artifak, ia bersifat terbuka dalam menjalinkan hubungan dengan masyarakat dan ditaja oleh pihak kerajaan yang dipilih secara demokrasi. Ia lebih bercirikan mesra masyarakat (<i>community oriented</i>) dan para pengunjung bebas mengkaji dan mengkritik apa-apa yang dibentangkan oleh kurator. Ia berkhidmat untuk memajukan pemikiran masyarakat. Ini termasuk usaha menjadikan muzium sebagai medium untuk tujuan pendidikan dan <i>nation building</i>.</p>	<p>KMK menganggap muzium sebagai tempat penyimpanan artifak untuk dipamerkan bagi sesuatu matlamat tertentu - seperti untuk menunjukkan prestij pemiliknya. Ia adalah bersifat inklusif (tertutup)( Peter Vergo,1989) dan lebih terhad pada usaha mengkaji dan mengklasifikasikan objek dan galeri dalaman muzium tanpa merapatkan diri dengan masyarakat.</p>



<b>Falsafah Yang Mendasari Muzium</b>	
<p>Falsafah pasca kolonialisme (respon pada kelemahan falsafah modenisme silam). Setiap objek dalam pameran perlu menggunakan tafsiran yang lebih kritikal, iaitu:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Lawan kepada pendekatan orientalisme. Ia adalah paradigma barat yang membahagi dan menetapkan kelemahan masyarakat bukan barat. Ia bersifat skeptikal terhadap semua perkara tentang masyarakat bukan barat. Pendekatan ini dinamakan sebagai <i>Occidentalism</i>, iaitu proses belajar dengan barat untuk mengetahui elemen positif dan negatif.</li> <li>2. <i>Multicultural</i>; hidup masyarakat dunia adalah pelbagai. Jadi kita perlu mengakui nisbah kepelbagaian ini dengan memberikan penekanan pada penjagaan hak asasi manusia.</li> <li>3. <i>Subaltern</i>; mengkaji sudut pandangan golongan kecil yang dipinggirkan.</li> <li>4. Tafsiran yang lebih bersifat humanistik dalam soal membabitkan masyarakat bukan barat ( Carlyn Strydom, 2017)</li> </ol>	<p>Falsafah kolonialisme dan euro-centric yang merendahkan masyarakat bukan barat ( Kraft, Sarah, 2018). Masyarakat tanah jajahan adalah objek bawahan yang hanya layak dijadikan bahan mati dalam pameran galeri muzium kolonial. Mereka menafikan sifat dinamisme masyarakat tanah jajahan, ia dianggap bersifat <i>ahistoris</i>, statik dan tidak boleh berubah ke arah yang lebih baik. Yang yang ditonjolkan dalam muzium kolonial membabitkan masyarakat tanah jajahan yang dianggap kekal sampai bila-bila.( Greer Valley, 2017)</p>
<b>Asas Autoriti Kurator Muzium</b>	

<ul style="list-style-type: none"> <li>• Peranan kurator sebagai sarjana, penyelidik dan pendidik kepada masyarakat. Beliau perlu menjadi sarjana-penyelidik dengan sentiasa melakukan penyelidikan perpustakaan dan lapangan sebelum melakukan pemilihan tema dan objek yang ingin dipamerkan. Untuk konteks dunia moden, ia perlu dipersembahkan dengan bantuan teknologi moden.</li> <li>• Peranan kurator sebagai pendidik masyarakat dapat dilakukan dengan menyampaikan pengajaran dalam bentuk sistem nilai baik dan data terkini kepada pengunjung. KMB mengambil kira teori pendidikan baru dalam menyediakan sesuatu pameran: i) teori belajar, iaitu cara ilmu diperolehi atau ilmu berada dalam diri, dan ii) Proses dan bentuk pameran harus dipersembahkan, iaitu dengan menekankan penggunaan pemikiran kritis terhadap KMB.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kurator sebagai satu-satunya sumber autoriti yang membawa kepada kebenaran dalam aspek sains dan kemanusiaan.</li> <li>• Kurator bertindak sebagai alat atau agen golongan atasan (penjajah). Ia memaparkan falsafah penjajah dan hasil positif yang diperolehi daripada penjajahan.</li> <li>• Mereka memegang autoriti kebenaran.( Hooper-Greenhill, 2000) Ia berupa bentuk mengajarkan maklumat dan hakikat kebenaran kepada golongan kulit putih bahawa tamadun mereka adalah yang paling tinggi dan patut dikekalkan manakala tamadun bukan kulit putih adalah tamadun bertaraf rendah yang tidak layak untuk hidup. Justeru, golongan kulit putih berhak dan perlu memikul tanggungjawab mengajar tamadun kepada golongan bukan kulit putih melalui kempen penjajahan.</li> </ul>
--	--

#### 4.0 Pengaruh Kesedaran *New Muzium* Di Malaysia.

Muzium Malaysia menjadi ahli dalam pertubuhan muzium antarabangsa ICOM, maka pengaruh *new museum* ini turut memberikan impak terhadap muzium-muzium di Malaysia.

Maka, dapat disaksikan beberapa agenda *new museum* yang telah dipakai dalam konteks muzium di Malaysia. Antaranya ialah lahirnya sejumlah muzium di pelbagai kawasan di Malaysia dengan pelbagai tema khusus. Antara tema yang popular adalah sejarah lokasi, penentangan melawan pihak penjajah, koleksi flora dan fauna, sejarah perang, muzik, pendidikan dan kebudayaan tempatan dan Islam, ras etnik dan kaum, permainan rakyat dan sebagainya. Kesemua tema khusus ini mendapat sambutan yang baik daripada pengunjung dari dalam dan luar negeri ( Abu Talib Ahmad, 2015). Selain itu, terdapat usaha merapatkan masyarakat dengan muzium di sesuatu kawasan. Hal ini dapat dilihat apabila terdapat sejumlah kajian yang dilakukan untuk mengetahui nisbah penerimaan dan kesedaran masyarakat terhadap muzium. Hal ini amat penting memandangkan industri muzium telah menjadi penjana ekonomi negara apabila ia dijadikan destinasi produk pelancongan.

Terdapat juga pemakaian kaedah penilaian kritis terhadap isi kandungan galeri muzium. Dalam konteks Malaysia, Abdullah Zakaria (2017) telah menerangkan tentang sifat pemikiran kritis yang diamalkan oleh para penyelidik era pasca merdeka. Menurutnya, walaupun artifak yang dipamerkan di muzium tidak boleh berkata-kata tetapi ia mampu menjana pemikiran kritis aras tinggi. Ia bersifat ingin tahu (*curiosity*) dan mencabar fakta sejarah yang ditonjolkan. Contoh penting yang dapat diambil adalah pada artifak Batu Bersurat Terengganu. Walaupun catatan inskripsinya serba ringkas, namun masih dapat menjana suatu kajian terperinci terhadapnya, sama ada dalam bentuk menghurai, menerangkan sebab musabab, mengaitkannya dengan fakta atau sumber sejarah lain dan mencabar teori yang diterangkan oleh sejarawan sebelumnya ( Abdullah Zakaria bin Ghazali, 2017). Sekiranya dilihat secara lebih mendalam lagi, ternyata pandangan Abdullah Zakaria ini adalah benar.

Beberapa kajian dan penyelidikan khusus telah dihasilkan daripada Batu Bersurat ini, antaranya dan ini termasuklah kajian oleh Rahimin Affandi Abd Rahim yang telah menghuraikan metodologi hukum Islam yang terkandung dalam Batu Bersurat Terengganu. Terdapat keterangan tentang pecahan hukum Islam dan tujuan ia dicatatkan sebagai peringatan bahawa kawasan Kuala Berang menjalankan hukum Islam. Kajian ini seterusnya menerangkan secara lebih terperinci lagi tentang bentuk hukuman yang dikenakan dalam sistem perundangan Islam terhadap kesalahan jenayah (Rahimin Affandi Abd Rahim, 2010). Kajian Muhammad Zainiy Uthman pula mengkaji tentang kesahihan peristiwa ketika tarikh Batu Bersurat Terengganu diletakkan di Kuala Berang yang berlakunya fenomena "Bintang Syaratain" di langit Terengganu. Hasil kajian ini membuktikan secara tepat bahawa pada tarikh tersebut sememangnya berlaku "Bintang Syaratain" di langit kawasan Terengganu. (Muhammad Zainiy Uthman, 2012).

Abdullah Zakaria memberikan pencerahan mengenai kajian sejarah susulan perlu dilakukan terhadap gambar yang terdapat dalam koleksi muzium tentang individu-individu yang terlibat dalam membantah gagasan penubuhan Malayan Union. Beliau menilai sama ada hanya Dato' Onn seorang sahaja yang bertanggungjawab memimpin bantahan terhadap Malayan Union ini. Bagi menjawab persoalan ini, beliau telah memberikan paparan kronologi sejarah yang panjang menerangkan bahawa bukan Dato' Onn seorang sahaja yang terlibat membantah Malayan Union. Sebaliknya terdapat juga tokoh-tokoh tempatan lain seperti raja dan para ulama Melayu yang lebih aktif dalam menyumbangkan jasa ke arah bantahan ini (Abdullah Zakaria bin Ghazali, 2017).

Bagi melengkapkan galeri muzium sejarah, beliau telah menerangkan sebab musabab sesuatu peristiwa sejarah berlaku. Ia telah memberikan perincian peristiwa pembunuhan J.W.W. Birch seperti dipaparkan dalam galeri sejarah di Kompleks Sejarah Pasir Salak.

Menurut beliau sesudah pihak British memperkenalkan sistem Residen di Perak, ia telah mencetuskan kemarahan orang Melayu Pasir Salak sehingga membawa kepada tragedi pembunuhan J.W.W Birch. Abdullah Zakaria menghuraikan secara terperinci tentang urutan peristiwa pembunuhan J.W.W Birch yang ditetak oleh Seputum ketika Residen British tersebut sedang mandi di rumah rakit sehinggalah kepada penemuan mayatnya yang tenggelam dan dihanyutkan oleh arus sungai tiga hari kemudiannya. Ini disusuli pula dengan operasi pemburuan, penangkapan dan perbicaraan mereka yang dipercayai terlibat dan bersubahat dalam insiden berdarah ini. Dalam satu penulisan yang lain, Abdullah Bin Zakaria (2017, 68) menceritakan kisah ini dengan mengatakan:

*“...Pandak Indut merejami lembing ke arah J.W.W Birch. Kemudiannya diikuti oleh Kulup Ali, Ngah Jabur dan Panjang Bur... beliau ditikam oleh Si Tuah dan ditetak dua kali oleh Seputum.”*

Apabila menilai teks Perlembagaan Undang-Undang Tubuh Negeri Terengganu yang terdapat dalam Muzium Negeri Terengganu, Rahimin Affandi menjelaskan bahawa Perlembagaan Undang-Undang Tubuh Negeri Terengganu ini membuktikan undang-undang Islam telah menjadi “*Common Law* Melayu-Islam” di negeri-negeri Melayu, lama sebelum kedatangan British (Rahimin Affandi Abdul Rahim, 2012). Apabila Prof Ahmad Ibrahim memperjuangkan agar Malaysia menolak penggunaan *English Common Law*, beliau telah meminta beberapa orang sarjana Malaysia mengemukakan realiti wujudnya ‘*Common Law* Melayu-Islam’ di Malaysia yang berasaskan kepada pelbagai *legal digest* silam ini. Ini memberikan gambaran bahawasanya lama sebelum kedatangan kuasa British masyarakat Melayu sudah pun mengamalkan sistem perundangan yang tersendiri berteraskan ajaran Islam sejati. Sebahagian besar daripada sistem perundangan Islam ini telah menjadi pengetahuan atau uruf Melayu yang terus kekal sehingga kini (Mohd Nazri Chik, 2006).

Teks Perlembagaan Undang-Undang Tubuh Negeri Terengganu juga membuktikan ulama Melayu tersohor, iaitu Tok Ku Paloh selaku penulis teks perlembagaan negeri ini telah mengamalkan kaedah pemikiran strategik bagi menghadapi campur tangan penjajah British. Hal ini dirujuk kepada usaha mengekang campur tangan British dan mengekalkan kedaulatan negeri tersebut sebagai sebuah negeri Islam. Usaha untuk mengekang campur tangan kuasa British ini boleh dilihat dalam fasal 14 PIM ( Zainal Abidin Abdul Wahid, 1992:94) yang menetapkan:

“Maka tiada lulus dan tiada sah sekali-kali Raja membuat perjanjian atau ikhtiar melepas atau menyerahkan negeri dan kerajaannya itu atau suatu bahagian daripada kuasa kerajaan atau Huquqnya itu kepada sebarang mana-mana kerajaan atau kepada kuasa-kuasa bangsa Eropah atau lainnya. Maka jikalau raja cuba lalui larangan dan tegahan ini nescaya disifatkanlah akan dia memecahkan amanah yang diletakkan atasnya serta tiada sah perbuatan yang demikian itu. Maka tatkala itu tiadalah diwajibkan di atas ahli-ahli kerajaan dan segala rakyat bersetia lagi dengan dia haruslah diturunkan dia daripada takhta kerajaannya dan diangkatkan gantinya pula.”

Fasal 14 ini secara terang-terangan menetapkan bahawa tidak sah raja yang menerima persekutuan dengan kuasa kafir luar. Hal ini ternyata benar kerana fasal 14 ini telah menyulitkan tugas Harold MacMichael memujuk sultan Terengganu untuk menandatangani persetujuan penubuhan Malayan Union yang membawa erti penyerahan kuasa negeri kepada penjajah British.

Terdapat pendekatan menggunakan muzium sebagai alat bantu untuk institusi pendidikan. Hal ini dapat dilihat melalui beberapa IPTA di Malaysia yang turut mengambil

inisiatif untuk mewujudkan muzium mereka sendiri yang dibina di dalam kawasan kampus. Antara yang terawal adalah Universiti Malaya (UM) yang mewujudkan Muzium Seni Asia (dibuka 1980) dan juga Muzium Zoologi (bangunan baru dibuka pada 1999) yang menempatkan koleksi terbesar spesimen fauna negara yang dikumpul sejak 60 tahun lepas yang mana sebahagiannya berasal dari Raffles Museum Singapura dan Muzium Negara. Beberapa muzium IPTA lain antaranya adalah Muzium Pendidikan Nasional (dibuka 2011) di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) Tanjung Malim, Perak; Muzium & Galeri Tuanku Fauziah di Universiti Sains Malaysia (USM) Pulau Pinang; Muzium Warisan Akademik di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) Bangi; Galeri Kajian Alam Bina Melayu atau KALAM (ditubuhkan 1996) di Universiti Teknologi Malaysia (UTM) Skudai; dan yang paling terkini adalah Muzium Warisan Melayu (dibuka 2013) di Universiti Putra Malaysia (UPM) Serdang. Sungguhpun dari segi akademik, muzium ini boleh dipecahkan kepada beberapa kategori berbeza, namun dari rangka operasi, ia tetap menjalankan fungsi yang sama, iaitu memberikan pendidikan berkaitan sejarah dan budaya kepada masyarakat.

Menurut Mohd Azmi Mohd Yusof (2013) muzium beroperasi melalui tiga kegiatan utama, iaitu pertama, mengumpul, menyelidik dan memelihara warisan sejarah, kebudayaan dan alam yang penting kepada negara; kedua, mendokumentasi serta menerbitkan hasil penyelidikan; dan ketiga, memberikan khidmat pengembangan ilmu melalui pameran, ceramah, bengkel, seminar, forum, persidangan serta khidmat lawatan berpandu ke galeri pameran. Walaupun muzium menjalankan pelbagai kegiatan dalam operasinya, namun, kegiatan pengembangan ilmu itulah yang boleh dikatakan paling menonjol terutama dari aspek pameran ( Jennifer Kim Lian Chan & Eileen Yeoh, 2010). Sekiranya pihak sekolah mengguna pakai kurikulum untuk menyalurkan pendidikan sejarah secara formal kepada para pelajar, maka muzium memanfaatkan galeri pameran untuk mendidik anggota masyarakat berkenaan hal serupa melalui kaedah tidak formal. Contohnya, galeri pameran di Muzium Negara Kuala Lumpur, ia mendedahkan secara

tepat perkembangan sejarah negara kepada pengunjung merentasi sempadan zaman, iaitu melalui era pra-sejarah, negeri Melayu di abad ke-19, zaman penjajahan dan era kontemporari Malaysia. (Abu Talib Ahmad, 2013)

Tempoh had masa ini dianggap agak komprehensif walaupun disampaikan secara visual, ringkas serta tidak formal kepada para pengunjung muzium. Meskipun formaliti artikulasi sejarah di muzium sedikit longgar berbanding dengan sekolah, namun, naratif pamerannya masih terkawal terutama muzium seliaan khusus kerajaan. Bagi Abu Talib Ahmad, muzium masih merupakan sebahagian jentera yang diguna pakai oleh kerajaan untuk memupuk semangat patriotik dan kenegaraan dalam rangka pembinaan negara-bangsa. Apa yang akan diutamakan dalam pameran ditetapkan berdasarkan sejauhmana sesuatu isu sejarah itu mampu menyumbang pada usaha memperkukuh agenda pembinaan negara-bangsa tadi. Justeru, walaupun orientasinya berbeza, namun, naratif muzium boleh dikatakan selaras dengan apa yang biasa dipaparkan di sekolah. Sekali gus, ia meletakkan fungsi institusi ini sama pentingnya dengan sekolah dari aspek artikulasi sejarah. Bagi sarjana pendidikan, terdapat kelebihan pada muzium untuk tujuan pendidikan (Azman Ligun, 2017). Antaranya adalah institusi ini dapat menimbulkan minat dan kefahaman pelajar dengan subjek sejarah yang dipelajari secara teori di sekolah (Ab Samad Kechot, 2012). Hal ini kerana pemahaman ini dapat dijana melalui pemerhatian langsung pada galeri di muzium. (Badrul Isa, 2017)

## **5.0 Kesimpulan**

Berdasarkan perbincangan ini, terdapat beberapa perkara yang dapat dirumuskan. Pertama, sistem permuziuman di Malaysia diperkenalkan oleh British. Ia bukannya bebas nilai tetapi sarat dengan matlamat untuk mendokong penjajahan British. Selepas merdeka, sistem permuziuman di Malaysia telah mewarisi setup dan falsafah Muzium kolonial. Hal ini kemudiannya telah berubah apabila kesedaran baru muzium diperkenalkan. Kedua, terbukti kesedaran baru muzium yang dipakai di Malaysia berusaha untuk memperbetulkan warisan



muzium kolonial. Hal ini diikuti dengan pengamalan prinsip tafsiran objek yang lebih kritikal, bernuasa nasionalisme dan menjadi alat untuk tujuan pendidikan sejarah yang lebih holistik.

## Rujukan

Ab Samad Kechot. (2012), Pendidikan Warisan Di Muzium: Kajian Berkaitan Penggunaan Laras Bahasanya, *GEOGRAFIA (Journal Of Society And Space)*, issue 8, h. 35 – 46.

Ab Samad Kechot. (2010), Proses Pendidikan Muzium: Satu Kajian Awal, *Jurnal Melayu* (5), h.: 285-293

A. J. Stockwell. (2009), The Crucible Of The Malayan Nation :The University And The Making Of A New Malaya, 1938–1962, *Modern Asian Studies*, v 43, 5 (2009) h. 1149–1187.

Abdullah Zakaria bin Ghazali. (2017), Mencabar Sejarah Malaysia, Kata Yang Tidak Bercakap Dalam Muzium, *Malaysia Museums Journal*, Volume 34, New Series, h. 1-24.

---- (1979), Pembunuhan J.W.W. Birch: Satu Kajian Tentang Pembunuhannya, *JEBAT*, v. 9, h. 59-72.

Abdullah Zakaria bin Ghazali. (1977), Pasir Salak: Pusat Gerakan Menentang British Di Perak, Jpoh: Yayasan Perak.

Abu Talib Ahmad. (2015), Museums, *History And Cultire In Malaysia*, NUS Press, Singapura, h. 1-6.

Abu Talib Ahmad. (2015), Penang Museums, Culture And History, *Kajian Malaysia*, Vol. 33, Supp. 2, 2015, 153–174.

Abu Talib Ahmad. (2013), Muzium Dan Penghayatan Sejarah Negara, *Prosiding Sidang Kemuncak Sejarah*, K. Lumpur, PSM.

Abu Talib Ahmad. (2008), State Museums And Their Representations Of The Past In Malaysia, *JMBRAS*, Vol. 81, Bah. 2

Azman Ligun. (2017), Muzium Sebagai Instrumen Pembelajaran Sejarah Luar Bilik Darjah, *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, Bil. 5, Isu 1 [19], h. 19-30

Badrul Isa. (2017), *Museum Pedagogy And Learning Experiences: An Investigation Into Museum Education From Instructional Perspectives*, Tesis Phd Untuk School of Education, College of Design and Social Context, RMIT University, h. 23-50.

Bronwen Douglas. (2008), Emergence: Thinking the Science of Race, 1750-1880, dalam (Edit) Bronwen Douglas and Chris Ballard, *Foreign Bodies Oceania And The Science of Race 1750-1940*, ANU press, h. 33-98.

Ahmad Farid Abd Jalal, Abdullah Yusuf, Ahmad Faisal Abd Hamid & Rahimin Affandi Abd Rahim "Kesedaran Muzium Baru Di Malaysia" JMS Vol 2 Issue 1 (2019) : 93 - 111

Carlyn Strydom. (20017), *The Role Of National Museums In South Africa: A Critical Investigation Into Iziko Museums Of South Africa Focusing On The Representation Of Slavery*, Tesis Sarjana Untuk University Of Cape Town, h. 39-50.

David Spurr. (1993), *The Rhetoric of Empire: Colonial Discourse in Journalism, Travel Writing and Imperial Administration*, Durham: Duke University Press

Durrans, B. (1988), *The Future Of The Other : Changing Cultures on Display In Ethnographic Musuem*, Dalam *The Musuem Time-Machine*, Ed. R. Lumley, Routledge, London, h. 144-169

Greer Valley. (2017), *Confronting The Museum's Colonial Past: Towards New Strategies Of Institutional Critique*, Tesis Sarjana Untuk University Of Stellenbosch, , h. 10-35.

Hasnul J Saidon. (2011), *Penyesuaian Hasil Dapatan Kajian Pelanggan Muzium & Galeri Tuanku Fauziah (MGTF) Universiti Sains Malaysia (USM) dengan Strategi Kuratorial Pameran e-CITRA*, *Wacana Seni Journal of Arts Discourse*. Jil./Vol.10, h. 2-39

Hisrchman, C. (1987), *The Meaning And Measurement Of Ethnicity In Malaysia : An Analysis Of Census Classifications*, *Journal Of Asian Studies*, 46(3), H. 568

Hooper-Greenhill, 2000, *Museums And The Interpretation Of Visual Culture*. London & New York: Routledge.

Indra Sengupta and Daud Ali. (2011), *Knowledge Production, Pedagogy and Institutions in Colonial India*, London : Palgrave Macmillan, h. 1-10

Jennifer KimLian Chan & Eileen Yeoh. (2010), *The Experiential Dimensions of Museum Experiences: The Visitors' Perspectives*, *International Journal of Business and Accountancy*, Vol. 1, No. 1, h. 27-29

Kraft, Sarah. (2018), *Acknowledging The Colonial Past: Display Methods Of Ethnographic Objects*, Master Of Arts In Museum Professions, Seton Hall University, h. 1-9.

Maxwell, W.E. (1983), *The Malay Peninsula : Its Resources And Prospects*, Dalam *Honourable Intentions*, Ed. P.H.Kratoska, Oxford University Press, h. 132.

Muhammad Zainiy Uthman. (2012), *Tarikh Sebenar Batu Bersurat Terengganu : Juma'at, 4 Haribulan Rajab, 702 Hijrah Bersamaan 22 Haribulan Februari, 1303 Masihi*, Kuala Lumpur : Department of National Heritage.

Mohd Azmi Mohd Yusof. (2013), *Menggiatkan Fungsi Muzium Dan Upaya Memupuk Minat Sejarah Di Kalangan Masyarakat Awam*, *Prosiding Sidang Kemuncak Sejarah*, K. Lumpur, PSM

Mohd Nazri Chik. (2006), *Perlembagaan Itqan Muluk Bi Ta'dil Al-Suluk 1911 ditinjau Dari Aspek Latar Belakang Dan Pengaruhnya Kepada Pelaksanaan Undang-Undang Islam Di Terengganu*, tesis sarjana untuk APIUM, h. 62-72.

Mohd. Noor Mat Yazid. (2014), Colonial Policy And The Impact To The Politico-Economy Stability After Independence: The Case Of Indonesia Under The Dutch And Malaysia Under The British, *Review of History and Political Science* , December 2014, Vol. 2, No. 3 & 4, h. 69-84.

Mohamad Syamsul Akmar Bin Wahiyudin. (2012), *Pengurusan Kompleks Sejarah Pasir Salak Sebagai Daya Tarikan Pelawat*, Fakulti Seni Gunaan Dan Kreatif, Universiti Malaysia Sarawak.

Moira G. Simpson. (2007), *From Treasure House To Museum*, ( Edit) Sheila Watson, *Museums And Their Communities*, London : Routledge

Paulette Dellios. (1999), *The Museum As Artifact, Made In Malaysia*, Tesis Ph.D Untuk James Cook University Of North Queensland.

Peter Vergo. ( 1989), *The New Museology*. London: Reaktion Books

Peacock, B. A. V. (1955). *A Report On Museum In Malaya 1954, Federation Of Malaya*. Kuala Lumpur.

Rahimin Affandi Abd Rahim. (2010), Batu Bersurat Terengganu: Satu Tafsiran Terhadap Pelaksanaan Syariah Islam, *Jurnal Fiqh*, No. 7, h. 107-148.

Rahimin Affandi Abd Rahim. (2012), " Formula Ketatanegaraan Melayu-Islam Di Alam Melayu : Rujukan Khusus Kepada Perlembagaan Itqan Al-Muluk ", dalam *Persidangan Serantau Kearifan Tempatan 2012*, Pada 15-16 Oktober 2012, Di Pulau Jerjak Rainforest Resort.

Shamsul Amri Baharuddin. (1983), " Perancangan Pembangunan Negara Selepas Merdeka 1957-1975 : Tinjauan Sejarah Perkembangan Sosio-Ekonomi Malaysia", Dalam *Malaysia : Sejarah Dan Proses Pembangunan*, Kuala Lumpur, h. 337-339.

Zainal Abidin Abdul Wahid. (1992), " Penubuhan Kongres Melayu Se-Malaya Dan Kelahiran UMNO " Dalam Zainal Abiding Abdul Wahid Et.Al, *Malaysia : Warisan Dan Perkembangan*, Kuala Lumpur : DBP, h. 193-195